

**Kerajaan Pusat Peruntuk RM650.19 Juta Kepada Luar Bandar Tahun Depan  
Bernama  
23 Oktober, 2012**

KOTA KINABALU, 23 Okt (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah diberitahu bahawa kerajaan pusat akan menyediakan peruntukan RM650.19 juta bagi pelbagai program menambahbaik dan menaik taraf infrastruktur jalan di luar bandar tahun depan.

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Sairin Karno berkata peruntukan sejumlah RM60.19 juta disediakan bagi program jalan luar bandar, bekalan elektrik RM400 juta dan bekalan air RM190 juta.

"Peruntukan bagi program-program itu tidak disalurkan kepada kerajaan negeri. Namun demikian, agensi-agensi kerajaan negeri yang berkenaan terlibat dalam menyelaraskan dan memantau program-program berkenaan," katanya ketika menjawab soalan Datuk Justin Guka (UPKO-Bingkor), Selasa.

Sairin berkata sebanyak RM501.96 juta dibelanjakan bagi program jalan luar bandar, RM380 juta bagi program bekalan elektrik dan RM633.62 juta untuk bekalan air sehingga 30 Sept lepas.

Beliau berkata kerajaan pusat menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melaksanakan program luar bandar dengan peruntukan sebanyak RM1,806.42 juta, program bekalan elektrik berjumlah RM1,338.5 juta dan program bekalan air berjumlah RM955.59 juta dari 2008 hingga tahun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704147>